

01/12/1997

5 Menteri Kewangan berbincang

KUALA LUMPUR, Ahad - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, hari ini mengadakan perbincangan dua hala secara berasingan dengan empat menteri kewangan Asean.

Anwar yang juga Menteri Kewangan mengadakan pertemuan dengan Menteri Kewangan Indonesia, Mar'ie Muhamad; Setiausaha Kewangan Filipina, Roberto S de Campo; Menteri Kewangan Thailand, Parrin Nimmanahaeminda serta Menteri Kewangan dan Pendapatan Myanmar, Brig Jen Win Tin.

Semua menteri kewangan berkenaan akan menghadiri Mesyuarat Menteri Kewangan Asean Plus-6 yang bermula di sini, esok.

Sementara itu, beberapa pegawai Asean menganggap Mesyuarat Pegawai Kanan Kewangan Asean dan Bank Pusat hari ini, mencapai kata sepakat dalam usaha memulihkan kewangan serantau kepada kedudukan sewajarnya.

Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Clifford Herbert, berkata mesyuarat hari ini berjaya mencapai kesepakatan dalam semua isu.

"Mesyuarat itu mengambil masa agak panjang kerana kami menghadapi masalah penggunaan bahasa.

"Mesyuarat itu juga akan mengeluarkan kenyataan semasa," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat berkenaan di sini.

Mesyuarat Pegawai Kanan Kewangan Asean dan Bank Pusat diadakan selama sehari sebelum bermula Mesyuarat Menteri Kewangan Asean Plus-6 iaitu bersama enam negara lain merangkumi Australia, China, Hong Kong, Jepun, Korea Selatan dan Amerika Syarikat.

Mesyuarat Menteri Kewangan Asean Plus-6 yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, turut disertai Naib Presiden Kanan, Joseph E Stiglitz dan Pengarah Urusan IMF, Michael Camdessus.

Seorang pegawai kanan Bank Pusat berkata, mesyuarat boleh mengemukakan input kepada mesyuarat Menteri Kewangan yang bermula esok.

"Mesyuarat hari ini boleh dianggap berjaya mencapai objektif serupa dalam menempatkan keadaan kewangan kita kepada kedudukan yang sewajarnya," katanya.

Seorang lagi pegawai kanan kewangan Asean berkata, mesyuarat hari ini berjaya mencapai kemajuan.

"Kami bersetuju mengukuhkan kerjasama dan komitmen untuk menyediakan kemudahan bagi membantu sesama sendiri ketika menghadapi krisis kewangan seperti ini," katanya.

(END)